

World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu

Roslina Abu Bakar
lynabubakar@upm.edu.my

Arba 'ie Sujud
arbaie@fbmk.upm.edu.my

Abstrak

Artikel ini menumpukan penelitian terhadap cerita-cerita rakyat Melayu yang diperoleh menerusi penglipur lara negeri Johor iaitu Penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor. Fokus penulisan artikel ini adalah berkaitan dengan *world-view* dan sistem politik masyarakat Melayu. Keseluruhan penelitian ini bersandar kepada aspek *world-view* yang merupakan kesatuan kepada tradisi nilai dan budaya bagi sesebuah masyarakat. Ia dikenal pasti menerusi perlakuan individu atau ahli masyarakatnya yang digambarkan menerusi watak dan perwatakan dalam cerita rakyat Melayu. Penulisan ini turut merungkai *world-view* dan sistem politik masyarakat Melayu yang menjurus kepada penjelasan mengenai stratifikasi tertinggi iaitu raja. Raja adalah ketua yang memerintah sesebuah negeri atau negara, diikuti oleh para pembesar yang membantu raja mentadbir negeri atau negara, manakala rakyat jelata pula merupakan paling rendah kedudukannya dalam hierarki sosial. Penulisan artikel ini diharapkan dapat memaparkan hubung kait ketamadunan tradisional dengan pembinaan negara moden. Penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita berupaya membawa khalayak memahami kepentingan raja dalam sesebuah negara, tugas para pembesar dan kedudukan rakyat jelata sebagai golongan terendah dalam hierarki sosial.

Kata Kunci *World-view*; sistem politik; stratifikasi; hierarki

Abstract

This article focuses on Malay folklores obtained through the Johor's storyteller, Ali Badron bin Haji Sabor. The focus of writing of this article is related to the view of nature and political system of the Malay community. The entire study was based on the aspects of nature that is the union of views to traditional values and culture of a society. It is identified through the conduct of individuals or society that is portrayed through the characters and personalities in the Malay folklores. This article also dismantles the view of nature and the Malay political system leading to an explanation of the highest stratification which is the king. The king is the head of the ruling of a state or country, followed by the chiefs who help the king to govern a state or country. Meanwhile, the common people are the lowest position in the social hierarchy. This article is trying to elucidate the relationship of traditional civilization with the modern nation-building. Presentation of the Malay folklore by a storyteller is able to bring the audience to understand the importance of the king in a country, the chiefs' duty, and the position of the common people as the lowest in the social hierarchy.

Keywords Views of nature; political system; stratification; hierarchy

Prawacana

Hubungan antara sastera dan masyarakat sangat erat sejak bermulanya tradisi lisan lagi. Keeratan hubungan itu bersandarkan premis bahawa sesuatu karya kreatif imaginatif tidak dihasilkan dalam kekosongan (*in vacuo*), bahkan kewujudan sesuatu karya sastera juga sering kali dikaitkan dengan kehidupan masyarakat yang melatarinya. Hal ini dapat dikesan dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang merupakan khazanah warisan bangsa yang di dalamnya terungkap pemikiran, falsafah kehidupan masyarakat dan nilai-nilai luhur. Sastera rakyat yang berkembang dalam masyarakat adalah milik bersama masyarakat yang berbentuk naratif. Penyebaran adalah secara pertuturan atau lisan oleh penutur profesional atau amatur.

Sehubungan itu, cerita rakyat turut dikenali sebagai sastera lisan yang disebarluaskan secara lisan dari mulut ke mulut. Dalam konteks sastera Melayu, sastera lisan adalah hasil sastera Melayu lama yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Hasil kesusasteraan lisan ini diwarisi melalui proses transmisi yang dipertuturkan

daripada generasi yang terdahulu dan dianggap sebagai hak milik mereka bersama dan sekali gus menjadi sebahagian daripada tradisi masyarakat mereka. Masyarakat Melayu yang menghasilkan sastera lisan masih bersifat tradisional dan mengamalkan sistem sosial yang terikat kepada semangat kerjasama dan kolektif, masyarakat juga masih statik, serta tidak banyak hubungan dengan khalayak luar.

Menurut Ismail Hamid (1987:4), cerita rakyat bukan sahaja sebagai hasil pengucapan sastera bagi sesuatu masyarakat tetapi ia juga dapat memberi gambaran cara hidup atau budaya sesuatu masyarakat. Mohd Taib Osman (1991:1) pula menyatakan bahawa di samping budaya material dan pola-pola perlakuan seperti adat resam, tarian atau permainan, cerita rakyat merupakan satu ciri zahir dalam satu-satu budaya. Cerita itu sendiri mungkin merupakan maklumat yang disimpan dalam minda penuturnya tetapi tetap wujud, dan zahir kerana diceritakan berulang kali dan menjadi tradisi yang dipunyai bersama oleh masyarakatnya. Bahkan bukan merupakan satu ciptaan (mungkin ciptaan pada asal munculnya), tetapi satu warisan yang diturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lebih muda.

Menerusi definisi yang dikemukakan, secara keseluruhananya mendefinisikan cerita rakyat sebagai cerita yang dituturkan secara lisan dalam kalangan masyarakat yang masih bersifat tradisi. Penyebaran cerita rakyat adalah secara warisan dari generasi kepada generasi, dan merupakan milik masyarakat secara kolektif. Cerita rakyat Melayu adalah wahana berbentuk lisan yang dituturkan secara berulang kali oleh tukang cerita. Sehubungan itu, bentuk penuturannya adalah bersifat tidak tetap, sering berubah untuk disesuaikan dengan selera khalayak dan perubahan zaman.

Di samping itu, penyampaian cerita rakyat dapat menarik perhatian khalayak sekiranya tukang cerita mempunyai kemampuan dari segi pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan kreativiti. Fungsi dan kedudukan sastera rakyat khususnya tradisi lisan dalam masyarakat Melayu sangat jelas. Mereka sangat menghargai tradisi lisan kerana di dalamnya terkandung wahana hiburan, pendidikan, pemikiran dan sistem kepercayaan, corak kehidupan dan budaya masyarakat serta mencerminkan *world-view* masyarakat Melayu.

Menerusi konteks ini, Mustafa Mohd. Isa (1984:82) menjelaskan bahawa *world-view* dapat diertikan sebagai satu konsep berkenaan dengan cara-cara sesuatu masyarakat itu memberi interpretasi terhadap masyarakatnya, kejadian alam, masa, ruang dan sebagainya. *World-view* adalah satu sistem idea yang meliputi pengetahuan dan

kepercayaan mengenai keadaan alam sekeliling sama ada yang berbentuk konkrit ataupun yang berbentuk abstrak. Fenomena tersebut dapat menjelaskan bahawa pada zaman tradisi, *world-view* merupakan antara elemen pelengkap dalam kehidupan.

Pada ketika itu, *world-view* menjadi panduan kehidupan masyarakat seperti sistem kepercayaan yang berhubung dengan alam keliling, corak kehidupan, dan sebagainya. *World-view* tradisi sebagaimana yang dapat dihayati menerusi cerita mitos dan legenda adalah bersifat tidak saintifik dan tidak empirikal namun ia tetap dipercayai dan dianggap penting dalam kalangan masyarakat yang menghasilkannya. Situasi ini disebabkan, pada ketika itu *world-view* tradisi dapat menginterpretasikan pelbagai persoalan yang tidak mudah dijawab oleh ilmu pengetahuan yang terbatas sifatnya.

World-view sesebuah masyarakat tidak bersifat mutlak kerana sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Contohnya, *world-view* tradisi tidak menjadi kepercayaan secara total dalam kalangan masyarakat Melayu setelah kedatangan agama Islam namun tetap dianggap oleh masyarakat kini sebagai suatu kebenaran yang dapat disesuaikan dari segi Islam. Di samping itu, masyarakat kini turut masih menghargai pengalaman dan pemikiran kritis masyarakat tradisi. Sehubungan itu, *world-view* bersifat relatif dan bergantung kepada kepercayaan dan *world-view* yang diberikan oleh Islam. Melalui *world-view*, pelbagai fenomena mengenai kosmos dan kehidupan manusia dapat diinterpretasikan.

World-View Masyarakat Melayu Tradisi

Masyarakat Melayu menanggap bahawa *world-view* Melayu adalah berpusat kepada manusia, ia berhubung kepada tanggapan mereka terhadap alam sama ada alam nyata atau alam ghaib. Ia bersifat dinamik dan fenomena tersebut melahirkan sistem budaya, sistem sosial, sistem ekonomi, sistem politik dan sebagainya.

Kepercayaan masyarakat Melayu tradisional turut digambarkan menerusi penyampaian cerita rakyat Melayu. Antaranya, penglipur lara atau tukang cerita turut menggambarkan kisah pembukaan sesebuah penempatan masyarakat tradisional yang mempunyai sebab dan akibat. Pembukaan sesebuah petempatan tersebut kemudianya mempunyai sistem pemerintahan teratur yang diketuai oleh seorang ketua selaku pentadbir. Gambaran tersebut turut melambangkan bahawa sistem pemerintahan yang teratur dalam kalangan masyarakat Melayu telah mula wujud sejak zaman tradisi lagi. Contoh petikan:

Pantai Kundur nama diberi,
Kapal singgah silih berganti,
Mengambil air bekalan dicari,
Atau sekadar memungut si kayu api.

Setelah ditinjau di celah bakau,
Setelah dilihat di hujung teluk,
Pasirnya landai, airnya jernih,
Ikannya banyak, badannya berbolek,

Setelah mustaed semua muafakat,
Berpindahlah semua naik ke darat,
Sanak saudara serta sahabat.
Datuk Jeragan pindah dahulu,
Kerana dia adalah jadi penghulu,
Sanak saudara kaumnya tentu.¹

Petikan menerusi cerita rakyat Melayu *Hajat Tak Sampai* tersebut menggambarkan *world-view* masyarakat Melayu tradisi mengenai ciri-ciri sebuah tempat yang dipercayai sesuai dijadikan kawasan petempatan. Cerita rakyat Melayu tersebut mengisahkan pembukaan sebuah petempatan oleh Datuk Jeragan yang telah dilantik sebagai seorang penghulu. Pantai Kundur dijadikan kawasan petempatan oleh masyarakatnya kerana kawasan tersebut mempunyai kedudukan strategik serta fizikal muka bumi yang mempengaruhi kegiatan ekonomi seperti perikanan dan sektor pertanian.

Hubung kait Ketamadunan Tradisional dengan Pembinaan Negara Moden

Terdapat cerita rakyat Melayu yang dituturkan oleh penglipur lara atau tukang cerita yang menyisipkan hubung kait ketamadunan tradisional dengan pembinaan negara moden. Ia memperlihatkan gambaran unsur-unsur tradisi yang masih diwarisi dan diamalkan hingga kini.

Sebelum pentadbiran Tanah Melayu mendapat campur tangan British, seseorang raja itu tidak mentadbir sesbuah negeri atau negara secara bersendirian. Baginda turut dibantu oleh para pembesar yang mempunyai peranan penting dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Namun demikian, zaman imperialisme British telah melenyapkan peranan para pembesar Melayu dalam mentadbir Tanah Melayu.

Selepas kemerdekaan pula, Yang di-Pertuan Agong telah menjalankan fungsinya sebagai pemimpin utama bersandarkan Perlembagaan atau undang-undang persekutuan. Fungsi Yang di-Pertuan Agong sebagai pemimpin utama adalah bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri atau nasihat seseorang Menteri yang bertindak di bawah kuasa am Jemaah Menteri. Akan tetapi Yang di-Pertuan Agong berhak atas permintaannya untuk mendapat sebarang maklumat berkenaan dengan pemerintahan Persekutuan yang boleh didapati oleh Jemaah Menteri. Ketika melaksanakan fungsinya sebagai pemerintah negara, baginda bersandarkan Perlembagaan atau Undang-undang Persekutuan.

Sistem politik masyarakat tradisional turut memperlihatkan pentadbiran raja yang turut dibantu oleh para pembesar. Para pembesar adalah dipertanggungjawabkan menggalas tugas yang telah ditetapkan. Contohnya, pentadbiran kesultanan Melayu Melaka turut dibantu oleh para pembesar yang mempunyai tugas, dan tanggungjawab tersendiri untuk membantu raja mentadbir negeri sebagaimana Rajah 2 berikut:



Rajah 2 Sistem Pembesar Empat Lipatan

Masyarakat yang digambarkan dalam cerita-cerita rakyat amat memerlukan raja. Seorang raja atau sultan yang menerajui pemerintahan sesebuah negara atau negeri pula dibantu para pembesar atau pegawai-pegawai kerajaan. Fenomena tersebut turut digambarkan menerusi cerita rakyat Melayu bertajuk *Sultan Mansur* yang menggambarkan

tanggungjawab para pembesar negeri yang dikenali dengan gelaran bendaraha selaku penasihat raja, temenggung, hulubalang, dan sebagainya. Antara contoh petikan yang memperlihatkan tugas para pembesar dan pegawai kerajaan tersebut adalah:

Contoh 1:

Apabila esoknya hari, baginda nobat di balai rong seri lalu di hadap oleh pembesar-pembesar. Lalu baginda bertanya kepada Datuk Seri Maharaja, kerana dialah Temenggung Melaka. “Adakah Datuk Seri Diraja mendengar, ada orang dibunuh di atas jambatan...²

Contoh 2:

Konon tersebutlah negeri Melaka, negeri yang diasaskan oleh Parameswara, berkembang, bertambah maju, menjadi pusat dagangan di sebelah sini. Kerana oleh, dibantu oleh bendaraha yang amat bijak dan waktu itu hidup hulubalang lima bersaudara iaitu Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu. Banyak membantu urusan pemerintahan negeri Melaka.³

Ia sebagaimana pendapat Mustafa Mohd. Isa (1984:83-84) iaitu masyarakat dalam cerita-cerita penglipur lara amat memerlukan raja. Keperluan diasaskan kerana rajalah yang memerintah sesebuah negeri. Mereka menganggap raja sebagai tempat mereka menumpahkan taat setia atau tempat bernaung. Rakyat takut jika negeri tidak mempunyai raja akan berlaku huru-hara kerana rebutan kuasa, sebab itu pembesar bertindak secepat mungkin mencari ganti raja.

Raja Sebagai Stratifikasi Tertinggi

World-view ialah suatu bentuk gambaran, konsep, idea, tetapan minda serta ideologi yang bersifat abstrak dan bukan fizikal sifatnya. Ia merupakan sesuatu yang berada dalam minda yang memanifestasikan segala tingkah dan tindak tanduk seseorang. Contohnya, sistem kasta yang diamalkan oleh ajaran Hindu telah menular ke dalam sistem sosial kelompok Melayu. Falsafah Hindu Buddha iaitu sistem kasta yang memisahkan golongan raja, para bangsawan, golongan agama dan rakyat jelata seperti mempunyai persamaan dengan aspek politik dan pentadbiran Melayu yang terdiri daripada Raja, para pembesar

dan rakyat jelata. Pengaruh tersebut dihubungkaitkan dengan falsafah Hindu-Buddha asli iaitu mengagung-agungkan para dewa dan ia dikaitkan dengan konsep ‘dewaraja’.

Menerusi penyampaian cerita rakyat Melayu, penglipur lara atau tukang cerita berupaya mencapai matlamat atau tujuan umum dan khusus. Antara tujuan umum penyampaian cerita rakyat Melayu adalah untuk memaklumkan dan bermatlamat agar khalayak memahami maklumat itu. Manakala tujuan khusus pula ialah agar khalayak mengetahui mengenai sistem pentadbiran negara dan mempercayai bahawa golongan raja merupakan strata tertinggi dalam hierarki sosial. Ketika penyampaian cerita rakyat Melayu, penglipur lara atau tukang cerita berharap agar khalayak mengetahui bagaimana membuat sesuatu, bagaimana sesuatu perkara kelihatan, bagaimana ia berlaku, atau bagaimana ia diatur. Contohnya, menerusi cerita rakyat Melayu, penglipur lara atau tukang cerita menggambarkan situasi masyarakat yang mempunyai susun lapis sosial.⁴

Stratifikasi tertinggi dan yang paling utama dalam masyarakat ialah raja yang memerintah sesebuah negeri atau negara. Penyisipan persoalan ini adalah untuk memaklumkan dan matlamatnya ialah supaya khalayak memahami kepentingan raja dalam sesebuah negara, tugas para pembesar dan kedudukan rakyat jelata sebagai golongan terendah dalam hierarki sosial. Sehubungan itu, persoalan yang disisipkan menerusi cerita rakyat Melayu adalah untuk memaklumkan supaya khalayak memahami sebarang perkara yang menyebabkan rakyat perlu taat serta setia kepada raja dan negara. Ia berhubung dengan kepercayaan masyarakat tradisi akan kesan perbuatan derhaka kepada raja atau sultan dan balasan kepada mereka yang derhaka kepada raja atau sultan. Contoh petikan:

Contoh 1:

“Ampun tuanku, sembah patik harap diampun. Apakah hajat tuanku, maka patik diminta datang. Tuanku perintahkan, akan patik junjung di atas batu jemala patik”.⁵

Contoh 2:

“Hai mamak bendahara, adakan satu majlis besar-besaran kerana beta akan berkahwin dengan puteri ini seberapa segera.”

“Titah dijunjung tuanku, tuanku payung negeri”⁶

Petikan tersebut membawa persoalan mengenai ketaatan dan kesetiaan rakyat jelata kepada raja atau golongan pemerintah. Fenomena ini merujuk kepada kedudukan raja pada stratifikasi tertinggi sejak zaman-berzaman dalam kalangan masyarakat Melayu. Kedudukan raja dalam kalangan masyarakat Melayu adalah simbolik. Rakyat perlu taat dan setia kepada raja yang merupakan lambang kedaulatan negara yang memayungi sesebuah tanah jajahan. Ia sebagaimana pendapat Mustaffa Mohd. Isa (1984: 83) iaitu *world-view* sesuatu masyarakat itu dapat dikaji daripada berbagai-bagai aspek kehidupan masyarakat, kerana dipercayai apa juga aktiviti, ekspresi dan institusi yang dilahirkan oleh masyarakat itu adalah berdasarkan kepada apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan mengikut adat atau peraturan masyarakat atau berdasarkan kepada keyakinan individu di dalam melaksanakan tugas-tugas kemasyarakatan.

Sejak turun-temurun lagi masyarakat Melayu mempunyai nilai ketaatan yang tinggi kepada Sultan atau Raja. Taat setia rakyat terhadap Raja atau Sultan telah menjadi amalan dalam kehidupan dan ia adalah sebahagian daripada budaya masyarakat Melayu. Nilai ketaatan kepada Raja atau Sultan yang diwarisi dari masyarakat tradisional turut dijadikan amalan oleh masyarakat Melayu sehingga ke hari ini. Ia sebagaimana termaktub dalam prinsip kedua Rukunegara iaitu kesetiaan kepada Raja dan Negara yang membawa maksud bahawa setiap warganegara hendaklah menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di peringkat negeri pula, rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada raja yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Ia sebagaimana Perlembagaan Persekutuan yang telah memperuntukkan bahawa Ketua Negara Malaysia adalah Yang diPertuan Agong (YDPA). Jelas bahawa, prinsip ketaatan kepada Raja atau Sultan adalah kesinambungan daripada prinsip ketaatan kepada Raja sejak zaman tradisi lagi. Namun demikian, konsep monarki mutlak tidak lagi diamalkan pada ketika ini dan kuasa raja hanya dihadkan oleh perlembagaan yang dikenali sebagai Raja Berperlembagaan.

Pada zaman tradisional, konsep kesetiaan amat dipegang kukuh oleh masyarakat Melayu. Seseorang raja atau pemerintah itu amat berkuasa sehingga boleh bertindak sewenang-wenang. Namun, perspektif ketaatan dan kesetiaan kepada raja secara membuta tuli perlu ditaakul oleh khalayak berlandaskan prinsip moral. Ketamadunan tradisional mengamalkan pentadbiran berbentuk raja yang berkuasa

mutlak dan bererti bahawa kedudukan, hak dan segala keputusan yang dibuat oleh raja adalah tidak boleh dipersoalkan. Namun pada hari ini, bentuk pentadbiran berkenaan telah dimansuhkan dan digantikan dengan sistem Raja Berperlembagaan. Antara contoh petikan cerita rakyat Melayu mengenai persoalan taat setia kepada Raja atau Sultan yang berupaya menaakul pemikiran khalayak adalah:

Lalu baginda pun memanggil seorang pesuruh, “Engkau bawakanlah emas, intan ini dan berikan kepada pembuat kayu arang yang duduk nun di hujung negeri. Kemudian mintaklah anaknya itu supaya di bawak ke mari, tetapi, tetapi di pertengahan jalan bayi itu hendaklah kau bunuh sama ada kau beri makan binatang buas ataupun kau campakkan di tengah sungai”. “Ampun tuanku, sembah patik harap diampun, titah tuanku akan terlaksana”. Timbul perasaan kemanusiaan yang ada pada dirinya, tak tergamak dia hendak membunuh bayi itu tetapi jika tidak dia membunuh bayi itu, kepalanya sendiri akan dipancung.⁷

Petikan menerusi cerita rakyat Melayu *Si Apung dengan Rambut Emas* tersebut menggambarkan perintah raja yang menggambarkan kezaliman menimbulkan konflik dalam kalangan masyarakat atau rakyat jelata. Pesuruh raja tidak sanggup untuk membunuh bayi tersebut sebagaimana yang dititahkan oleh raja kerana mempunyai rasa kemanusiaan. Persoalan yang disuguhkan oleh penglipur lara atau tukang cerita ini adalah bertujuan untuk menjana kognitif khalayak mengenai konsepsi ketaatan dan kesetiaan kepada golongan pemerintah, dan hubungannya dengan kepentingan etika.

Sehubungan itu, ilustrasi mengenai hubungan antara budaya tradisi dan moden yang bersifat dinamis memerlukan peranan anggota masyarakat sebagai pembawa perubahan yang bersesuaian dengan perubahan zaman. Raja yang adil akan sentiasa dipuji dan dihormati oleh golongan rakyat. Persoalan ini tidak digambarkan menerusi penggunaan contoh sebenar atau ilustrasi terperinci, tetapi diwujudkan menerusi contoh untuk mengilustrasikan persoalan mengenai konsep ketaatan kepada raja. Sehubungan itu, ketika penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara atau tukang cerita kepada khalayak, contoh hipotetikal tidak digunakan tetapi ia dikemukakan secara terbuka sebagai cerek berbentuk ilustrasi hipotetikal.

Menerusi penyampaian cerita rakyat Melayu, penglipur lara atau tukang cerita turut membawa persoalan mengenai golongan pemerintah atau raja yang berusaha mengekalkan kedudukan mereka

dari satu generasi ke satu generasi berikutnya. Penentuan kedudukan raja dan para pembesar adalah berasaskan kepada sistem keturunan. Negeri atau negara yang tidak mempunyai raja akan menyebabkan berlaku huru-hara kerana rebutan kuasa. Oleh sebab itu, pembesar bertindak secepat mungkin mencari ganti raja. Kekuatan golongan pemerintah turut dibantu oleh rakyat jelata. Gambaran dua golongan masyarakat yang memerintah dan diperintah menerusi cerita rakyat Melayu adalah sebagaimana organisasi masyarakat Melaka tradisi yang terbahagi kepada dua golongan iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah. Golongan diperintah terdiri daripada rakyat biasa dan hamba (hamba abdi dan hamba berhutang). Manakala golongan pemerintah ia boleh dikelompokkan kepada tiga peringkat iaitu peringkat negeri (raja/sultan), peringkat daerah/jajahan (para pembesar) dan peringkat kampung (penghulu). Kenyataan tersebut adalah sebagaimana Rajah 2 berikut,



Rajah 2 Hierarki Pemerintahan Melaka. Organisasi yang tersusun membentuk dua golongan masyarakat: pemerintah dan diperintah.

Kedudukan golongan pemerintah iaitu sultan atau raja dalam sesebuah negeri adalah pada hierarki teratas dalam sesebuah mobiliti sosial. Sehubungan itu, untuk menandakan seseorang berjawatan raja, baginda diberikan istana tempat tinggal, balairung seri sebagai balai penghadapan, bunyi-bunyian seperti nobat, serta adat istiadat diraja yang membezakan antara golongan pemerintah dan rakyat. Menerusi cerita rakyat Melayu *Sultan Mansur*, ia menggambarkan mengenai aktiviti dan ekspresi masyarakat Melayu mengenai sistem pemerintahan beraja. Kemangkatan sultan yang memerintah sesebuah jajahan adalah memerlukan pengganti kepada raja yang telah mangkat dan perlu diraikan dengan adat-istiadat pertabalan. Ia sebagaimana

pendapat Mustafa Mohd. Isa (1984: 84) iaitu untuk menandakan seseorang berjawatan raja, rakyat memberikannya pelbagai tanda yang melambangkan jawatannya itu. Misalnya, istana tempat baginda tinggal, balairung seri sebagai balai penghadapan, nobat nafiri dan gajah kenaikan. Antara contoh petikan menerusi cerita rakyat Melayu yang menggambarkan fenomena ini ialah,

Contoh 1:

Dari hari ke hari, dari pekan ke pekan, dari purnama ke purnama, datanglah saatnya baginda Sultan Mansur Syah merasalah gering. Lalu dipanggilnya semua orang besar-besar dan semua anakanaknya. Lalu baginda berkata kepada datuk bendahara, “Hilangnya nanti kita, maka anakanda Raja Hussin akan gantinya kita”. Setelah datang peredaran,tidak lama kemudian mangkatlah Sultan Mansur Syah, dikebumikan dengan adat istiadat raja Melaka.⁸

Contoh 2:

Apabila esoknya hari, baginda nobat di balairung seri lalu dihadap oleh pembesar-pembesar.⁹

Contoh 3:

... Raja mengadakan perkahwinan puteranya penuh dengan kebesaran negeri. Empat puluh hari, empat puluh malam rakyat bersuka-sukaan... Setelah genap empat puluh hari, empat puluh malam, selesailah sudah. Hiduplah Melur dengan adiknya si Pekan dan nenek di dalam istana dengan penuh berkasih sayang hingga ke akhir hayat. ¹⁰

Contoh petikan 3 tersebut adalah menerusi cerita rakyat Melayu *Batu Belah Batu Bertangkup* yang mengisahkan kehidupan Melur dan adiknya Pekan setelah ibunya ditelan oleh batu bertangkup kerana kempunan akan telur ikan tembakul. Akhirnya, Melur telah diperisterikan oleh putera raja dan hidup berbahagia di istana. Upacara perkahwinan Melur dan putera raja dilaksanakan dengan adat-istiadat yang gilang-gemilang dan diraikan bersama oleh rakyat jelata di istana.

Golongan pemerintah akan melaksanakan tanggungjawab untuk mentadbir sama ada di peringkat negeri, peringkat daerah/jajahan dan peringkat kampung. Menerusi cerita rakyat Melayu *Sultan Mansur*, penglipur lara atau tukang cerita turut menyisipkan gambaran masyarakat iaitu persoalan akan tanggungjawab seorang raja yang menjalankan kuasa kerajaan, mengurus hubungan luar dan mendukung serta melambangkan perpaduan negeri. Sultan Melaka ketika itu digambarkan amat bijaksana dan berusaha untuk mengembalikan keamanan negeri Melaka, bijaksana dan melindungi tanah jajahannya daripada kekacauan. Raja yang lemah memimpin akan menyebabkan tanah jajahannya tewas. Contoh petikan:

Contoh 1:

Konon tersebutlah negeri Melaka, negeri yang diasaskan oleh Parameswara, berkembang, bertambah maju, menjadi pusat dagangan di sebelah sini. Negeri Melaka sampai ke penghujahnya apabila Sultan Mansur Syah menjadi raja. Banyaklah negeri-negeri yang takluk di bawah kerajaan Melaka seperti Inderagiri, seperti Pasai, Aru, Siak dan Jambi masing-masing tunduk di bawah pemerintahan Melaka. Begitu juga seperti Inderapura, Kelantan, Terengganu habis di bawah kawalan Melaka. Negeri-negeri yang setara dengannya seperti Majapahit, Siam dan China merasa cemburu.¹¹

Contoh 2:

Pada suatu malam, baginda mengenakan pakaian rakyat biasa. Dengan dibantu oleh Hang Siak dan Hang Isap, baginda menggemari berjalan di keliling kota, mencari pencuri yang sedang bermaharajalela. Lalu baginda bertiga berjumpa dengan lima orang pencuri yang sedang memikul sebuah peti milik saudagar Sampurna yang amat kaya di negeri Melaka.¹²

Petikan menerusi cerita rakyat Melayu bertajuk *Sultan Mansur* tersebut, penglipur lara atau tukang cerita menggambarkan perwatakan Sultan Mansur Syah yang merupakan pemerintah yang menjalankan kuasa dan tanggungjawabnya sebagai pemerintah negeri Melaka. Ketika pemerintahan baginda, Melaka digambarkan sebagai sebuah negeri yang maju dan menjadi pusat perdagangan. Baginda turut mengurus hubungan luar serta jajahan takluk seperti

negeri Inderagiri, Pasai, Aru, Siak Jambi, Inderapura, Kelantan, dan Terengganu. Ini menggambarkan bahawa baginda merupakan seorang raja atau pemerintah yang berkaliber dalam mentadbir kerajaan. Menerusi contoh 2, penglipur lara atau tukang cerita menggambarkan watak seorang raja atau pemerintah yang bijaksana serta berusaha melindungi tanah jajahannya daripada kekacauan. Sultan Alauddin Riayat Syah, seorang raja yang bertanggungjawab serta berusaha menjaga keselamatan negeri Melaka untuk kesejahteraan rakyatnya. Baginda sanggup menyamar sebagai rakyat biasa untuk menangani masalah huru-hara dan kecurian di negeri Melaka.

Rakyat Jelata Dan Hierarki Sosial

Gambaran stratifikasi masyarakat Melayu adalah berdasarkan hierarki sosial. Rakyat jelata adalah merupakan golongan yang teramai dan terendah sekali kedudukannya dalam sesebuah negara atau tanah jajahan. Pada zaman tradisional, tinggi rendah status seseorang rakyat itu diukur daripada sejauh mana keakraban dengan raja dan kaum kerabat raja. Rakyat jelata dan Raja tidak mempunyai jurang pemisah walaupun Raja atau Sultan mempunyai kedudukan tertinggi dalam hierarki sosial. Fenomena ini sebagaimana diperlihatkan menerusi cerita rakyat Melayu. Contohnya, majlis keramaian seperti upacara perkahwinan golongan istana akan turut diraikan oleh rakyat jelata walaupun kedua golongan ini adalah dari strata yang berbeza. Ia sebagaimana petikan berikut:

Contoh 1:

Hamba rakyat bersuka-ria, empat puluh hari, empat puluh malam,
berbagai-bagi permainan diadakan kerana meraikan Putera Mahkota
berkahwin dengan puteri yang dianggap sebagai perempuan bisu.¹³

Jika dibandingkan pada zaman kini, setiap warganegara atau rakyat seharusnya melaksanakan tanggungjawab untuk membantu kerajaan merealisasikan setiap perlaksanaan dasar kerajaan. Ia adalah merupakan sumbangan terhadap keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Sehubungan itu setiap rakyat perlu berganding bahu untuk merealisasikan cita-cita negara sebagaimana prinsip Rukunegara berikut:

- kepercayaan kepada Tuhan
- kesetiaan kepada Raja dan Negara
- keluhuran Perlembagaan
- kedaulatan undang-undang
- kesopanan dan kesusilaan

Menurut ideologi masyarakat atau kaum Melayu yang beragama Islam, kaum lelaki adalah insan hebat yang dipilih Allah untuk menjadi khalifah di muka bumi ini. Ketinggian darjat kaum lelaki digambarkan menerusi firman Allah sebagaimana petikan ayat al-Quran berikut:

Laki-laki itu menjadi tulang punggung (pemimpin) bagi perempuan, sebab Allah melebihkan setengah mereka dari yang lain dan kerana mereka (laki-laki) memberi belanja hartanya (bagi perempuan).

(an Nisa:34)

Terjemahan ayat al-Quran tersebut membawa panduan kepada umat Islam khasnya kepada kaum lelaki yang mempunyai beberapa keistimewaan dan tanggungjawab yang perlu dilunaskan. Kaum lelaki adalah pemimpin kepada kaum perempuan. Lelaki juga sering dikaitkan dengan kehebatan, kebijaksanaan dan kegagahan. Ia sebagaimana yang diperlihatkan menerusi cerita rakyat Melayu berikut:

Pada suatu masa, pada suatu ketika, baginda berburu diiringi oleh hulubalang, paduka menteri dan pengiring-pengiring yang banyak menunjukkan sebuah hutan di sebuah belantara. Oleh kerana ketangkasan baginda, oleh kerana kehebatan baginda berburu, hanya mengejar seekor kijang lama-kelamaan, baginda terpisah langsung dari pengiring yang ada.¹⁴

Petikan menerusi cerita rakyat Melayu *Enam Ekor Angsa* tersebut menggambarkan tanggapan masyarakat Melayu bahawa kaum lelaki adalah kaum yang hebat dan tinggi kedudukannya. Masyarakat Melayu amat mengangkat tinggi kaum lelaki terutamanya yang terdiri daripada golongan istana. Realitinya, kaum lelaki sering memperoleh kedudukan utama berbanding kaum wanita sama ada menerusi hierarki politik serta kepentingan sosial. Kaum wanita pula sering dilingkari dengan gejala sosial seperti penderaan, penindasan, keganasan, penipuan dan ketidakadilan. Ia sebagaimana gambaran

masyarakat pada zaman tradisional yang kerap dijadikan barang rebutan atau hadiah kepada wira sebagai ganjaran dalam suatu pertandingan. Ia sebagaimana diperlihatkan menerusi petikan cerita rakyat Melayu berikut:

“Jika begitu mamak bendahara, pukullah canang seluruh negeri, pukullah gong seluruh penjuru alam. Beritahu barang siapa yang ingin (ber) memperisteri puteri negeri, pukullah gong seluruh penjuru alam. Beritahu barang siapa yang ingin (ber) memperisteri puteri beta Umi Kalsom Ratna Dewi Kilat Berdentum di Waktu Senja itu, haruslah mempunyai cerita yang terpanjang sekali barulah beta pilih dia sebagai menantu”.¹⁵

Menerusi cerita rakyat Melayu *Cerita Terpanjang* tersebut, ia mengisahkan seorang puteri raja bernama Umi Kalsom Ratna Dewi Kilat Berdentum di Waktu Senja yang telah dijadikan hadiah oleh ayahandanya dalam pertandingan bercerita. Rakyat jelata telah diminta untuk mempersempahkan cerita terpanjang kepada raja di istana. Pencerita yang mampu bercerita seperti yang dikehendaki oleh raja akan dikahwinkan dengan puteri baginda sebagai hadiah. Puteri raja yang dijadikan hadiah oleh ayahandanya menggambarkan tanggapan masyarakat tradisi bahawa kaum perempuan itu lebih rendah kedudukannya berbanding kaum lelaki.

Kesimpulan

Menerusi penyampaian cerita rakyat Melayu, kreativiti penglipur lara atau tukang cerita menyampaikan maklumat adalah realiti yang perlu difahami oleh khalayak. Menerusi aspek sosial, tradisi lisan berupaya menggambarkan fenomena yang mencakupi *world-view* dan budaya sesuatu komuniti atau kumpulan masyarakat. Menerusi cerita rakyat Melayu, khalayak didedahkan mengenai sistem politik masyarakat Melayu supaya kepentingan raja dalam sesebuah negara dapat difahami. Para pembesar atau pegawai kerajaan pula adalah pembantu kepada raja memerintah negara atau negeri.

Rakyat jelata pula merupakan golongan terendah dalam hierarki sosial. Rakyat jelata digambarkan mempunyai fungsi dan kepentingan tertentu kepada sesebuah negara atau negeri. Ketaatan rakyat terhadap raja yang digambarkan menerusi cerita rakyat Melayu berupaya menjadi wahana mendidik kepada masyarakat kini

untuk diadaptasi dalam kehidupan seharian. Kesetiaan kepada raja dan negara bermaksud bahawa setiap rakyat hendaklah mengamalkan taat setia, jujur dan ikhlas kepada raja atau sultan. Setiap rakyat perlu taat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Manakala di peringkat negeri pula rakyat perlu menumpukan taat setia kepada raja yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan itu, ilustrasi *world-view* dan sistem politik masyarakat Melayu yang disampaikan menerusi cerita rakyat Melayu dapat memaparkan hubungan antara budaya tradisi dan moden yang bersifat dinamis. Ia berupaya berfungsi sebagai memberi panduan dan didikan berguna kepada setiap lapisan masyarakat.

Cerita rakyat Melayu menggambarkan *world-view* dan sistem politik masyarakat Melayu tradisi yang dapat dijadikan iktibar dan panduan dalam kalangan masyarakat kini. Sehubungan itu, setiap masyarakat perlu memainkan peranan penting dalam melunaskan tanggungjawab sebagai rakyat. Setiap individu perlu mengamalkan keharmonian dan kesejahteraan kerana rakyat yang harmoni dan aman akan dihormati dan dikagumi oleh negara luar. Sehubungan itu, semangat kerjasama setiap individu adalah amat penting sebagai benteng untuk menghadapi segala bentuk cabaran yang boleh mengancam kemakmuran, keamanan, kesejahteraan masyarakat dan negara.

Nota hujung

- 1 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Hajat Tak Sampai” (HTS) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 2 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Sultan Mansur” (SM) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 3 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Sultan Mansur”(SM) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor
- 4 Susun lapis sosial ialah merujuk kepada struktur hierarki dan penyusunan organisasi bagi masyarakat, terutamanya dalam cara di mana mereka dibahagikan secara sosial kepada kumpulan yang secara relatifnya kekal dan dapat dibezakan oleh peluang yang tidak sama terhadap sumber, kuasa dan hak istimewa.
- 5 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Si Badang” (SB) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 6 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Enam Ekor Angsa” (EEA) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.

- 7 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Si Apung dengan Rambut Emas” (SADRE) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 8 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Sultan Mansur” (SM) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 9 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Sultan Mansur” (SM) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 10 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Batu Belah Batu Bertangkup” (BBBB) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 11 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Sultan Mansur” (SM) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 12 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Sultan Mansur” (SM) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 13 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Enam Ekor Angsa” (EEA) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 14 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Enam Ekor Angsa” (EEA) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.
- 15 Cerita rakyat Melayu bertajuk “Cerita Terpanjang” (CT) oleh penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor.

Rujukan

- H. Mahmud Yunus. (1973). *Tafsir Quran Karim*. Singapura: Tawakal Trading.
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan Kesusastraan Melayu Lama*. Petaling Jaya: Longman.
- Mardiana & Hasnah. (2000). *Pengajian Malaysia*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Osman. (1981). “Mengenalkan Kesusastraan Rakyat” dlm. Jamilah Haji Ahmad. (ed.). *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 3–16.
- Mohd Taib Osman. (1981a). “Kesusasteraan Melayu dengan Corak Masyarakat dan Budayanya: Tradisi Lisan atau Sastera Rakyat yang Bercorak Cerita” dalam, Jamilah Haji Ahmad (ed.). *Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 17–35.
- Mohd Taib Osman (1976). “Sastra Rakyat, Tinjauan Umum” dlm. A. Bakar Hamid (ed.) *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 19–31.
- Mohd Taib Osman (ed.). (1989). *Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Bercorak Cerita*. Kuala

- Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Mohd. Isa. (1979). “*Awang Belanga: Penglipur Lara dari Perlis*”. Tesis Sarjana sastera. Universiti Sains Malaysia.
- Mustafa Mohd. Isa. (1984). *Penglipur Lara Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shellabear, W. G. (1997). *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Kadir. (1992). *Pembinaan Tradisi dan Budaya Ekspresif Budaya Melayu*. Petaling Jaya: asfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir. (1993). *Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya*. Kota Bharu dan Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir. (1993). *Budaya Melayu dalam Perubahan*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Winstedt, R.O. (1969). *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Roslina Abu Bakar. (2011). “Cerita Rakyat Melayu: Analisis dari Aspek Komunikasi Dua Hala”. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Zahrul Akmal Damin *et al.*. (2009). *Kenegaraan dan Pembangunan Malaysia (Modul Pembelajaran)*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.

Rakaman

- Ali Badron Haji Sabor. 2004. “Batu Belah Batu Bertangkup”, Batu Pahat.
- Ali Badron Haji Sabor. 2004. “Cerita Terpanjang”, Batu Pahat.
- Ali Badron Haji Sabor. 2004. “Enam Ekor Angsa”, Batu Pahat.
- Ali Badron Haji Sabor. 2004. “Hajat Tak Sampai”, Batu Pahat.
- Ali Badron Haji Sabor. 2004. “Si Badang”, Batu Pahat.
- Ali Badron Haji Sabor. 2004. “Sultan Mansur”, Batu Pahat.